

Rancangan Pemasaran Kelapa 1973

- (i) Pemberitahuan dalam Warta mengikut perenggan 1(2)
- (ii) Senarai Kesalahan dan penalti

P.U.(B) 223 bertarikh 7hb. Jun, 1973.

AKTA LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN, 1965

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang di beri oleh seksyen 5 Akta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan, 1965, Menteri, atas syor Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan, dengan ini menetapkan rancangan pemasaran yang berikut:

1. (1) Rancangan ini bolehlah dinamakan **Rancangan Pemasaran Kelapa, 1973**, dan tertakluk kepada peruntukan-peruntukan perenggan kecil (2), hendaklah dipakai di seluruh Malaysia.

*Nama,
pemakaian dan
mula
berkuatkuasa.*

(2) Menteri boleh, melalui pemberitahu dalam *Warta*, mengecualikan mana-mana Negeri atau bahagian sesuatu Negeri daripada mana-mana atau semua peruntukan-peruntukan Rancangan ini.

(3) Rancangan ini hendaklah disifatkan sebagai telah mula berkuatkuasa pada 1hb Mei, 1973.

2. Rancangan ini hendaklah diuruskan dan dikawal oleh Jemaah Pemasaran Hasil Pertanian (kemudian daripada ini disebut "Jemaah") yang ditubuhkan di bawah seksyen 6 Akta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan, 1965.

*Pengurusan dan
pengawalan
mengenai
Rancangan.
P.U.(A) 454/71.
49/65.*

3. Dalam Rancangan ini, melainkan jika kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain—

Tafsiran.

"kelapa" ertinya buah dari pokok kelapa (*cocos nucifera*) samada dikupas atau tidak dikupas sabutnya, dibelah atau tidak dibelah buahnya;

"kelapa kering" ertinya isikelapa yang diproses;

"memproses" ertinya mengasing dan mengeringkan isikelapa dan termasuklah menyediakan kelapa kering yang terdapat itu untuk jualan;

"menjualruncit" ertinya menjual semula kepada seseorang pengguna terakhir sebanyak tidak lebih daripada 20 biji kelapa dalam sesuatu penjualan;

"peladang kelapa" ertinya seseorang yang menanam pokok kelapa samada bersendirian atau melalui orang-orang yang diambilkerja atau secara lain diambil bertugas olehnya bagi maksud itu, di atas tanah yang dipunyai olehnya atau yang mengenainya ia ada sesuatu kepentingan

sebagai pemegang pajak, penyewa, penduduk, pemegang lesen, penerima serahak, pemegang gadaian, pengganti hakmilik, ejen atau dengan apa-apa cara atau atas apa-apa sifat yang lain;

“pengguna terakhir” tidaklah termasuk seseorang yang diambil bertugas bagi memproses kelapa dan kelapa kering.

4. (1) Tiada seseorang boleh, bagi maksud memperdagang atau *Pelesenan* memproses,—

- (a) membeli daripada seseorang peladang kelapa apa-apa kelapa kering atau kelapa lebih daripada 50 biji;
- (b) membeli daripada seseorang lain apa-apa kelapa kering atau kelapa lebih daripada 50 biji bagi apa-apa maksud lain daripada menjualruncit,

melainkan jika ia di beri lesen untuk berbuat demikian oleh Jemaah.

(2) Seseorang yang, sebagai bukan seorang peladang kelapa atau seorang penjualruncit kelapa,—

- (a) didapati ada memiliki kelapa lebih daripada 100 biji atau kelapa kering lebih daripada 1 pikul;
- (b) membuat perkiraan untuk mengangkut atau mendapatkan diangkut kelapa lebih daripada 100 biji atau kelapa kering lebih daripada 1 pikul,

hendaklah disifatkan sebagai telah membeli kelapa atau kelapa kering itu, melainkan jika dibuktikan sebaliknya.

5. (1) Sesuatu permohonan untuk suatu lesen di bawah perenggan 4 Rancangan ini atau pembaharuananya hendaklah dibuat dalam borang yang ditetapkan oleh Jemaah dari semasa ke semasa.

Permohonan dan had-had dan syarat-syarat lesen.

(2) Sesuatu lesen yang dikeluarkan atau dibaharui boleh tertakluk kepada apa-apa had dan syarat sebagaimana yang dikenakan oleh Jemaah.

(3) Tanpa menyentuh peruntukan-peruntukan perenggan kecil (2) peruntukan-peruntukan yang berikut hendaklah dipakai mengenai tiap-tiap lesen yang dikeluarkan atau dibaharui—

- (a) tiap-tiap satu lesen hendaklah tamat pada 31hb Disember dalam tahun ia dikeluarkan atau dibaharui;

- (b) sesuatu bayaran sebagaimana yang ditetapkan oleh Jemaah dari semasa ke semasa dengan kelulusan Menteri hendaklah dibayar kepada Jemaah mengenai lesen itu.
6. (1) Pemegang lesen hendaklah menyimpan di premis yang dinyatakan dalam lesen itu suatu daftar, mengikut bentuk yang diluluskan oleh Jemaah, dalam Bahasa Malaysia atau Inggeris, dalam mana hendaklah dibuat dalam tempoh tujuh puluh dua jam selepas tiap-tiap satu pembelian, penerimaan, penjualan atau pengeksportan kelapa atau kelapa kering, catitan-catitan sepatutnya mengenai butir-butir berhubung dengan nama dan alamat penjual, pembekal, pembeli atau orang yang kepada siapa kelapa atau kelapa kering itu dieksport, mengikut mana yang berkenaan, tarikh, kuantiti yang dibeli, diterima, dijual atau dieksport sedemikian, jumlah yang tinggal dalam simpanan dan apa-apa butir lain sebagaimana yang dikehendaki oleh Lembaga dari semasa ke semasa
- Kewajipan-kewajipan pemegang lesen.*
- (2) Pemegang lesen hendaklah menunjukkan di suatu tempat yang mudah dilihat—
- (a) pada premis yang dinyatakan dalam lesen itu suatu papan menunjukkan harga kelapa dan kelapa kering yang didapat tiap-tiap satu hari dan potongan-potongan daripada harga itu atau beratnya yang akan ditentukan oleh Jemaah;
 - (b) pada sebelah atas pintu premis yang dinyatakan dalam lesen itu dan mengikut apa-apa cara sebagaimana yang boleh dibaca dengan senang oleh orang awam, nama penuhnya, sebagaimana yang terdapat dalam lesen itu, dalam huruf-huruf Rumi dan perkataan-perkataan
- “PEMBELI KELAPA BERLESEN (LICENSED COCONUT BUYER)”
atau
“PEMBELI KELAPA KERING BERLESEN (LICENSED COPRA BUYER)”
atau
“PEMBELI KELAPA/KELAPA KERING BERLESEN (LICENSED COCONUT/COPRA BUYER)”
- mengikut mana yang berkenaan.
- (3) Pemegang lesen hendaklah—
- (a) memberi kepada Jemaah apa-apa maklumat atau penyata yang dikehendaki oleh Jemaah;
 - (b) menunjukkan apa-apa maklumat mengikut apa-apa cara yang dikehendaki oleh Jemaah.

(4) Pemegang lesen hendaklah, apabila diminta oleh seorang pegawai Jemaah yang berkuasa, membenarkan pegawai itu memasuki premis itu dan hendaklah, jika dikehendaki, mengemukakan untuk diperiksa oleh pegawai itu lesennya dan daftar yang dikehendaki disimpan di bawah perenggan kecil (1)

7. (1) Jika Jemaah berpendapat bahawa seseorang yang dileSEN di bawah peruntukan-peruntukan Rancangan ini telah melanggar atau tidak mematuhi sesuatu peruntukan Rancangan ini atau mana-mana daripada had-had dan syarat-syarat bagi sesuatu lesen yang dikeluarkan kepadanya, Jemaah boleh meminta orang itu menunjukkan sebab mengapa sesuatu lesen atau lesen-lesen yang dipegang olehnya tidak patut dibatalkan.

*Pembatalan
lesen.*

(2) Seseorang yang diminta menunjukkan sebab di bawah peruntukan-peruntukan perenggan kecil (1) hendaklah di beri oleh Jemaah butir-butir, dengan bertulis, mengenai pelanggaran atau hal tidak mematuhi yang diadukan itu, dan boleh hadir sendiri atau melalui seseorang yang di berkuasa dengan bertulis olehnya dalam sesuatu pembicaraan di hadapan Jemaah.

(3) Jika selepas pembicaraan itu Jemaah berpendapat bahawa orang yang diminta menunjukkan sebab itu telah gagal berbuat demikian itu, Jemaah boleh membatalkan lesen atau lesen-lesen yang dipegang olehnya.

(4) Jika Jemaah meminta seseorang menunjukkan sebab mengapa sesuatu lesen atau lesen-lesen yang dipegang olehnya tidak patut dibatalkan, Jemaah boleh, pada masa ia meminta orang itu menunjukkan sebab itu juga atau pada bila-bila masa selepasnya manakala pembicaraan di bawah perenggan ini masih menunggu keputusan, menggantung lesen atau lesen-lesennya itu sehingga pembicaraan itu ditamatkan, dan boleh pada bila-bila masa menarikbalik penggantungan itu.

Bertarikh pada 27hb April, 1973.
[FAMA 3020/D/9; PN. 4074/2 Pt. IV.]

*TAN SRI HAJI MOHD. GHAZALI BIN HAJI JAWI
Menteri Pertanian dan Perikanan*

**AKTA LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN
PERSEKUTUAN, 1965**

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang di beri di bawah perenggan kecil (2) perenggan 1 Rancangan Pemasaran Kelapa, Menteri Pertanian dan Perikanan dengan ini mengecualikan mulai dari 1hb Mei, 1973, Negeri-negeri Perlis, Kedah, Negeri Sembilan, Melaka, Pahang, Sarawak dan Sabah daripada peruntukan-peruntukan Rancangan Pemasaran Kelapa tersebut.

P.U.(B) 223/73.

Bertarikh 27hb April, 1973.
[FAMA S. 3020/D/9; PN. 4074/2 Pt. IV.]

*TAN SRI HAJI MOHD. GHAZALI BIN HAJI JAWI,
Menteri Pertanian dan Perikanan*

RANCANGAN PEMASARAN KELAPA, 1973

| Peraturan | Kesalahan | Penalti/Hukuman |
|------------------|---|---|
| 4 (1) (a) | Tanpa mempunyai lesen, seseorang tidak boleh membeli kelapa kering atau kelapa biji dari seseorang peladang kelapa melebihi 50 biji dengan tujuan berdagang atau memproses. | <u>Nota</u> Bagi kesalahan-kesalahan di bawah 4(1)(a), 4(1)(b), 4(2)(a) dan 4(2)(b) hukuman/penalti hendaklah dirujuk Akta FAMA 141 seksyen 25(1), 27(a)(b) dan 21A kerana tiada peruntukan khusus mengenai hukuman di bawah Peraturan ini. Hukumannya jika disabitkan: |
| 4 (1) (b) | Tanpa mempunyai lesen, seseorang tidak boleh membeli dari seseorang lain kelapa kering atau kelapa biji melebihi 50 biji bagi tujuan berdagang atau memproses atau bagi apa-apa maksud lain selain dari menjual runcit. | i) Denda tidak melebihi RM 15,000/- atau penjara 2 tahun atau kedua-duanya sekali bagi kesalahan kali pertama. |
| 4 (2) (a) | Seseorang yang bukan peladang kelapa atau bukan penjual runcit kelapa yang memiliki lebih 100 biji kelapa biji atau melebihi 1 pikul kelapa kering disifatkan sebagai telah membelinya melainkan ia dapat membuktikan sebaliknya. | ii) Dengan kebenaran mahkamah boleh juga dirampas semua atau sebahagian hasil jualan barang yang terbabit jika dijual/lelong. |
| 4 (2) (b) | Seseorang bukan peladang kelapa atau penjual runcit kelapa yang membuat perkiraan untuk mengangkut atau mendapatkan pengangkutan untuk mengangkut kelapa biji melebihi 100 biji atau kelapa kering melebihi 1 pikul ia disifatkan sebagai telah membelinya melainkan ia dapat membuktikan sebaliknya. | iii) Dengan kebenaran Mahkamah boleh juga dirampas kenderaan atau artikel lain yang berkaitan dengan kesalahan dilakukan. |
| 5 (2) (3) | Kegagalan mematuhi syarat-syarat lesen yang dikeluarkan atau dibaharui mengikut peraturan ini. | <u>Nota</u> Bagi kesalahan-kesalahan di bawah peraturan 5(2)(3), 6(1), 6(2)(a), 6(2)(b), 6(3) dan 6(4) ia merupakan kesalahan-kesalahan yang akan dikendalikan oleh Jemaah semata-mata tanpa memerlukan prosiding pendakwaan di Mahkamah dimana boleh diputuskan dibawah Peraturan No. 7 perenggan (1) hingga (4) iaitu:- |
| 6 (1) | Mana-mana pemegang lesen yang tidak menyimpan dipremis berkenaan suatu daftar mengikut bentuk seperti yang diluluskan oleh Jemaah serta mengandungi catatan-catitan yang perlu dinyatakan mengikut peraturan ini. | i) Memberikan notis tunjuk sebab mengapa lesenya tidak patut dibatalkan dan setelah itu membuat keputusan samada lesen dibatalkan atau tidak dibatalkan. |
| 6 (2) (a) | Mana-mana pemegang lesen yang tidak mempamirkan tanda harga kelapa biji atau kelapa kering di suatu tempat yang mudah dilihat dipremis berkenaan mengikut cara ditetapkan di bawah peraturan ini. | ii) Sebelum keputusan dibuat lesen boleh digantung sementara. |
| 6 (2) (b) | Mana-mana pemegang lesen yang tidak mempamirkan papan tanda yang ia sebagai pembeli yang diberi lesen sepertimana dinyatakan di bawah peraturan ini disuatu tempat yang mudah dilihat di premis berkenaan. | |
| 6 (3) | Mana-mana pemegang lesen yang tidak atau enggan memberi maklumat/penyata atau menujukkan maklumat sepertimana yang dikehendaki oleh Jemaah. | |
| 6 (4) | Mana-mana pemegang lesen setelah diminta oleh pegawai Jemaah namun enggan membenarkan atau menghalang pegawai berkenaan memasuki premis bagi tujuan memeriksa lesen dan daftar. | |